

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 16 Februari 2016 13:26
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SUASANA SANTAI TERASA TENANG - PENGARAH UPEN KEDAH



16 FEBRUARI 2016 / 07 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SUASANA SANTAI TERASA TENANG - PENGARAH UPEN KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Sesi bicara Discover Kedah 2016 bersama UUM yang bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Welcome Centre berjaya memberi inspirasi mengenai strategi kolaborasi pakej pelancongan yang menarik bagi Negeri Kedah dan UUM baru-baru ini.

Menurut Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) yang juga Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah (UPEN), Dato' Harun Jasin, "Lokasi Welcome Centre amat menarik yang terletak di pintu masuk".

"Boleh adakan 'networking' dan promosi dengan agensi-agensi luar"

Tambahnya lagi, "susun atur hiasan dalaman menarik, staf amat mesra dan berpengetahuan".

Dalam pada itu, Pengarah Negeri (Kedah/Selatan Thailand) Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia), Roslan Othman berkata LPPM akan sentiasa bekerjasama untuk mempromosikan tempat-tempat menarik di Kedah dan di UUM sepertimana pembentangan semasa sesi bicara.

Sementara itu, sesi bicara yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Perniagaan dan Siswaniaga (BHSN JHEP), Dr. Fadzli Shah Abd. Aziz telah mencapai kata sepakat supaya kedua pihak memperkenalkan serta mempromosikan pakej-pakej menarik yang ditawarkan oleh LPPM, UPEN dan UUM bagi menjayakan Discover Kedah dan Discover UUM 2016.

Hadir sama, Pengarah Unit Komunikasi Korporat, Azahari Azmi, Pengurus Besar EDC Hotel, Ahmad Fauzi Zainal Abidin, Pengurus Uniutama Travel & Tours Sdn Bhd, The University Inn, Noorhasmee Harun serta beberapa pegawai yang terlibat secara langsung dengan Discover UUM 2016.

Sejurus selepas itu, delegasi telah dibawa melawat sekitar kampus nan hijau bagi mengenalpasti prasarana, tempat yang menarik untuk dipromosikan. Mereka ternyata teruja dengan kampus di rimba hijau dan mengucapkan Tahniah kepada UUM.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

